

TARIKH	21 / 6 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	1-52	RUANGAN	Niaga

# Tabung Haji beli harta tanah di London

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dijangka memuktamadkan runtingan bagi pembelian harta tanah di kota raya London menjelang September depan.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail berkata, harta tanah yang akan dibeli itu sudah pun dikenal pasti melalui tinjauan yang dijalankan sebuah pasukan khasnya sejak 2008.

"Harta tanah di UK sememangnya sudah lama berada dalam perhatian kami. Namun, kami amat berhati-hati dalam membuat pembelian kerana setiap aset yang dibeli Tabung Haji mesti mematuhi

Urusan Kumpulan DQS, Michael Drechsel dan Pengarah Urusan SIRIM QAS, Khalidah Mustafa.

Selain itu, mengenai usaha mengembangkan skop pelaburan Tabung Haji ke UK dengan membeli harta tanah di London, beliau menerangkan, ini adalah untuk merebut peluang dalam bidang yang menjanjikan pulangan lumayan dan pendapatan tetap.

"Sekali gus ia mampu memberikan kadar pulangan yang baik serta konsisten kepada pendeposit," ujarnya.

Tabung Haji kini memiliki 6.9 juta pendeposit dengan jumlah deposit sebanyak RM31.7 bilion.

syariah, justeru itu kami sedikit perlahan berbanding agensi pelaburan lain.

"Harta tanah yang akan dibeli itu kini dihuni oleh barisan penyewa yang menjalankan aktiviti perniagaan yang tidak bertentangan dengan syarak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima pensijilan ISO daripada DQS dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM QAS) bagi Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) dan bagi Pengurusan Perkhidmatan dan Operasi Haji di Malaysia dan Arab Saudi.

Pensijilan itu disampaikan kepada Ismee oleh Pengarah



ISMEE (tiga dari kiri) menerima sijil ISO daripada SIRIM dan DQS yang disampaikan oleh Khalidah (dua dari kiri) dan Drechsel (dua dari kanan) di Kuala Lumpur semalam.